

C/-/02/2023

Ahad, 5 Februari 2023

Julau Life Care Society berjaya kutip 36 beg darah

JULAU, 5 Feb – Kempen menderma darah Daerah Julau anjuran Julau Life Care Society berjaya mengutip 36 beg darah dan mendaftarkan seramai 36 orang penderma dalam kempen menderma darah yang diadakan di Market MDMJ Julau, pagi semalam.

Julau Life Care Society telah bermula pada tahun 2006 beroperasi di lapan lokasi lain di beberapa buah tempat seperti di Kuching, Sarikei, Sibu, Mukah, Bintulu, Miri, Limbang dan Kapit.

Menurut pengerusinya, Ngieng Sii Ping, program tersebut telah berlangsung seawal jam 9 pagi hingga 12.20 tengah hari.

Sii Ping memberitahu, menderma darah bukan sahaja menyelamatkan darah seseorang, tetapi juga memberi faedah kepada penderma dari aspek kesihatan.

Beliau turut menyeru semua generasi agar tidak takut menderma darah bagi melindungi diri sendiri dan juga orang lain.

“Jangan takut derma darah kerana anda mungkin penyelamat nyawa orang lain,” katanya ketika ditemui.

Dalam kempen yang sama, Dr. Christopher Wong Ha Kai dari Hospital Sarikei turut memberikan penjelasan mengenai kriteria bagi penderma untuk menderma darah.

"Kriteria bagi penderma darah hendaklah berumur 18 tahun ke atas dan bagi yang berumur 17 tahun, perlulah mendapatkan kebenaran daripada ibu bapa atau penjaga terlebih dahulu.

"Berat badan mestilah 45kg ke atas dan mempunyai tidur sekurang-kurangnya lima jam sebelum menderma darah, selain kondisi penderma mestilah sihat."

Tambah beliau, bagi penderma yang baru kali pertama menderma mungkin akan mengalami perasaan takut, tetapi mereka mempunyai kaedah sendiri bagi mengurangkan ketakutan tersebut.

"Selain itu, menderma darah dapat mengurangkan jumlah sel darah merah di dalam tubuh anda dan memaksa sumsum tulang untuk menghasilkan sel baru," ujarinya.

Sementara itu, rata-rata penderma yang hadir bersyukur dan teruja untuk menderma darah buat kali pertama.

Antara penderma paling termuda yang ditemui, Bonny Kilat yang berusia 23 tahun dan ia merupakan kali pertama beliau menderma darah.

"Setelah saya menyedari bahawa menderma darah adalah satu prosedur yang cepat dan tidak menyakitkan, ia membuatkan saya rasa teruja untuk membantu mereka yang memerlukan darah," ujarinya.

Manakala bagi penderma yang sudah menderma darah sebanyak 58 kali, Fabian Juna menyatakan menderma darah secara sukarela adalah amalan kemanusiaan yang amat mulia dan boleh menyelamatkan nyawa ribuan manusia setiap hari selain mencegah diri dari sebarang penyakit.

Dalam perkembangan sama, kempen derma darah anjuran Julau Life Care Society itu akan kembali lagi dilaksanakan pada bulan Jun 2023 ini. -TAMAT-

Disediakan Oleh: Siti Rahimah Ajis @ Abdul Ajis (JaPen Julau)

Foto: Chong Fei Foo (JaPen Julau)

Gambar PENERANGAN menunjukkan:

Foto 1: Suasana kempen menderma darah anjuran Julau Life Care Society di Market MDMJ Julau.

Foto 2-4: Para petugas kesihatan sedang memeriksa penderma darah.

Foto 5: Para penderma darah merakam gambar kenangan bersama-sama dengan pengerusi, Ngieng Sii Ping.